

BUDAYA POLITIK MATANG DAN SEJAHTERA SUATU PENYELESAIAN oleh Haji Abdul Hadi Awang. Amar Synergy Enterprise: Kuala Lumpur, 2019. ISBN 978-967-17357-2-5

Kebangkitan dakwah di negara ini melahirkan banyak penulisan buku-buku bercorak gerakan politik Islam. Namun kebanyakannya hanyalah buku-buku saduran dari pemikiran gerakan Islam luar negara. Ketokohan Haji Hadi yang bukan sahaja tampil sebagai pengerak di medan politik pilihan raya tetapi juga mampu memahat pemikirannya dalam buku-buku yang ditulisnya sendiri. Beliau bukan sahaja memindahkan ilmu politik Islam dan pemikirannya, tetapi berjaya menerapkannya dalam landskap politik negara ini secara praktikal. Buku ini adalah antara kemuncak proses berkenaan, di mana beliau mampu mengungkapkan suatu budaya politik baru dalam konteks Gerakan Islam berpandukan rujukan al-Quran dan hadis. Ia menjanjikan suatu garapan intelektual melalui sebuah buku setelah melalui suatu pengalaman sebagai seorang tokoh politik bahkan telah dipilih sebagai salah seorang dari 500 Muslim yang berpengaruh bagi kategori dakwah dan pembimbing agama di dunia.

Budaya Politik Matang dan Sejahtera adalah judul kepada sebuah buku yang agak berbeza dengan tulisan-tulisan Haji Hadi Awang yang telah mencapai lebih dari 150 buah karya. Buku setebal 429 muka surat mengemukakan satu gagasan politik yang dipersembahkan dalam suatu penulisan umum. Ia mengandungi sepuluh bab dengan dimulai oleh Kata Pengantar, Prakata dan Mukadimah serta diakhiri dengan Penutup dan Biodata Penulis. Bab-bab berkenaan yang bermula dari bab satu ialah Risalah Politik Islam, Kaedah Penilaian Politik, Budaya Politik Matang dan Sejahtera, Politik Bertunjangkan Prinsip, Politik Dakwah dan Amar Maaruf, Politik Penyelesaian Berasaskan Islam, Politik Utamakan Rakyat, Politik Damai dan Diplomasi, Politik Benar Bukan Persepsi, dan Politik Rasional dan Profesional. Buku ini dimulai dengan Kata Pengantar dari Menteri Besar Kelantan yang memberi perakuan bahawa buku ini ditulis oleh seorang *Ulama Negarawan*, tokoh politik Islam abad ini. Menurut beliau, banyak tulisan berkenaan politik Islam dibuat tetapi buku ini menawarkan perbezaan kerana ia ditulis oleh ulama yang terjun ke dalam arena politik dan melalui sepak terajangnya sendiri. Justeru ia lebih membumi dan menguji ijtihadnya sendiri.

Buku ini memuatkan beberapa keping gambar bagi menunjukkan penulis seorang tokoh sebagai murabbi yang memperjuangkan gagasan politik matang berpaksikan Islam, mengutamakan rakyat dan bersikap mesra terhadap mereka khususnya golongan muda, serta menjaga keharmonian kaum dan keamanan dunia. Foto berwarna warni ini menghasilkan interaksi awal yang menarik minat pembaca untuk meneroka isi kandungan buku ini yang berat bagi sesetengah pembaca. Ia berjaya menyampaikan mesej dengan lebih santai dan mesra pembaca. Penulis juga hanya menulis dengan ringkas dalam prakata tetapi memberikan fokus yang agak luas kepada matlamat buku ini dalam muqadimah. Haji Hadi menggariskan perkara utama dalam muqadimah ini dengan merujuk kepada Perlembagaan PAS yang bersifat *thawabit* (tetap) dan *mutaghayirat* (berubah).

PAS meraikan pendekatan dan strategi yang bersifat anjal selama mana tetap beristiqamah kepada dasar perjuangan Islam. Strategi yang dilaksanakan bersama prinsip istiqamah dapat membezakan di antara wala' dan tahaluf yang menjadi isu dalam gerakan Islam hari ini. Dengan merujuk kepada sejarah ringkas yang digalurkannya, Haji Hadi membuktikan PAS tetap teguh memegang prinsip walaupun berkembang pesat dalam konteks gerakan politik semasa. Ringkasnya, pendahuluan ini memberi bayangan bahawa gagasan yang bakal dibentangkan dalam bab berikutnya tetap kekal berada di paksi yang telah dilakarkan dalam muqadimah buku ini.

Penulis memperkenalkan risalah politik Islam dengan mengaitkannya dengan nilai akhirat dan warisan kenabian. Sirah Nabawiah adalah rujukan politik Islam. Ia menjelaskan bagaimana politik Islam yang berasaskan *hidayah* dan bukan *jibayah* itu berperanan menjadikan Islam sebagai pemimpin bukannya

hanya sebagai alat mana-mana pihak yang berkepentingan seperti perkauman yang akan mengotorkannya. Haji Hadi menggariskan kaedah penilaian politik Islam yang secara teorinya berada dalam kerangka tradisional tetapi telah diberikan nilai yang dinamis oleh tokoh-tokoh ulama gerakan Islam. Kaedah feqah seperti *fiqh muwazanah* (keseimbangan), *Fiqh al-Waqie* (Realiti), *fiqh al-Awlawiyyat* (Keutamaan) dan *ma'alat* (Implikasi). Ini menunjukkan bahawa bagaimana politik hari ini tidak terlepas dari garapan kaedah politik Islam yang bersifat *thabat* dan *murunah* sebagaimana yang digariskan oleh kaedah tersebut. Atas asas inilah budaya politik matang dan sejahtera itu dibentuk untuk menghadapi cabaran politik masa kini. Ini sebenarnya secara tradisinya telah sebatu dengan parti PAS yang bergerak sebagai politik penyelamat bukannya atas politik geram. Ini memberi isyarat bahawa PAS bukanlah parti politik ekstrem atau fanatik melulu seperti yang dipersepsikan oleh setengah pihak. Pandangan negatif ini mungkin wujud disebabkan oleh pegangan politik PAS yang tegas bertunjangkan prinsip Islamnya.

Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) adalah bertunjangkan prinsip tetapi tetap menganjurkan politik dakwah secara hikmah. Ia cuba mengubah kefahaman semua pihak termasuk pesaing politiknya, UMNO. Ini bertentangan dengan budaya politik konvensional yang hanya ingin memusnahkan musuh politik. Bagi PAS, semua pihak adalah sasaran dakwahnya. Ini bagi PAS adalah lebih diutamakan berbanding melihat orang ramai dalam perspektif pengundi sahaja. Bukan hanya menarik mereka untuk mengundi tetapi apa yang lebih penting lagi ialah menarik mereka kepada cara hidup Islam yang sempurna. BPMS menekankan budaya mengiktiraf dan menyokong kebaikan oleh mana-mana pihak dan mencegah serta menentang kemungkaran oleh mana-mana pihak. PAS menyokong kebaikan secara matang dan menentang keburukan serta kezaliman juga secara matang.

Oleh itu prinsip *taawun siasi* dianjurkan bagi membawa maksud bertolong bantu dalam perkara yang baik dan takwa serta tidak bekerjasama dalam perkara dosa dan permusuhan walaupun terhadap musuh yang menzaliminya. Apatah lagi dalam kalangan umat Islam yang berbeza pendapat, pendekatan dan berlakunya salah faham serta mereka yang jahil. Berdasarkan prinsip *taawun*, adalah perlu mencapai titik persamaan dan menangani perbezaan secara anjal serta menolak perpecahan yang merugikan dengan sabar menghadapi cabaran, walaupun terpaksa menunggu masa yang sama. Tidak hairanlah jika di sepanjang sejarah, PAS memilih *muwajahah silmiyyah* dengan menyertai amalan pilihan raya mengikuti konsep keutamaan dalam dakwah dan jihad. Ini bertujuan menyelamatkan manusia bersama Islam, sama ada memeluk Islam atau akur kepada pemerintahan Islam tanpa menganutnya. Apa yang penting keadilan yang ditegakkan adalah menjadi rahmat kepada semua.

Walaupun gagasan ini menyeru manusia supaya mereka bertaubat bukannya dibiarkan menjadi lebih jahat, ia bukanlah suatu pendekatan kitar semula yang longgar. PAS mesti teguh menyelamatkan akidah umat Islam walaupun terpaksa berdepan dengan isu kafir mengkafir justeru kejahilan umat dan kelemahan para ulama, serta kerakusan pemimpin negara menghina Islam. PAS tetap melaksanakan pendekatan dakwah dan bukan menghukum seperti yang menjadi lapangan para mufti dan kadi terpenjara oleh undang-undang warisan penjajah yang belum dirungkai. Namun kita ditegah dari larut dalam menegakkan kebenaran justeru tersilap memahami makna sederhana dalam dakwah. Apa yang paling penting diamalkan ialah terus beristiqamah bersama Islam, taat kepada pemimpin selagi tidak bercanggah dengan Islam, sama ada bersetuju atau tidak apabila sesuatu telah diputuskan. Inilah *adab ikhtilaf* yang mendasari dalam gagasan ini.

Penulis menekankan peri pentingnya PAS berdakwah supaya masyarakat dapat menerima Islam serta idealisme politiknya memerintah negara sama ada dengan menganut tanpa paksaan atau bersedia berada di bawah pemerintahan Islam yang adil. Ini menggambarkan politik *Islah* yang bukan bertujuan untuk membalas dendam tetapi melakukan pembaikan. Jika PAS menjadi pembangkang, ia hendaklah berperanan menasihati dan tidak jahat terhadap lawannya. PAS wajib mengambil contoh dari al-Quran

bukannya dari tradisi pembangkang di Barat yang ditegakkan di atas landasan demokrasi tanpa tunduk kepada perintah agama dalam menawarkan saranan kepada isu yang dihadapi. Tindakan menyebarkan fitnah seperti di media sosial atau bertempur dengan jentera kerajaan seperti polis dan lainnya akan merosakkan gagasan ini.

Oleh itu, PAS melancarkan Wawasan Induk Negara Sejahtera (WINS) sebagai alternatif bagi menyelesaikan masalah rakyat yang telah diwarisi dari zaman penjajah. Ia mengandungi empat ciri terpenting dalam aspek menegakkan negara sejahtera berdasarkan Surah al-Hajj, ayat 41 iaitu mendirikan solat, konsep ekonomi yang adil, *amar maruf* (berkebajikan), *nahi munkar* (kedaulatan undang-undang) dan Allah sebagai rujukan (kesejahteraan). Secara praktisnya, ia dapat dicapai melalui penubuhan sebuah kerajaan teknokrat yang bukan bersifat teokrasi atau anti demokrasi. Ekonomi yang sejahtera dapat dibangunkan melalui agihan sumber ekonomi Islam seperti zakat yg adil. Politik yang mengutamakan rakyat akan dapat menyelesaikan isu-isu semasa seperti pengangguran, kos sara hidup, rasuah dan lain-lain.

Sebagai parti pula, PAS hendaklah bersama rakyat ketika menghadapi krisis melalui kaedah politik yang damai dan berdiplomasi. Akhirnya PAS mestilah tegas menolak apa sahaja yang boleh menggugat agama dan perpaduan, tidak berkompromi dengan campurtangan asing serta matang dalam mengambil iktibar dari peristiwa Arab Spring. PAS perlu belajar dari bencana berita palsu dan fitnah siber yang memusnahkan sebuah rasional dan profesionalisme. Pendek kata, PAS perlu bersedia sama ada sebagai parti pembangkang yang berhemah atau parti pemerintah yang berwibawa dalam menawarkan gagasan Budaya Politik Matang dan Sejahtera sebagai penyelesaiannya.

Dari sorotan di atas, dapat dikatakan bahawa buku ini mendokong nilai ilmu yang digarap melalui proses intelektual yang tinggi. Taraf keilmuan Islam yang tinggi dapat dilihat dari premis yang digunakannya merujuk kepada kaedah Fiqh yang kontemporari. Ini menunjukkan bahawa PAS berupaya mendokong gagasan yang progresif dan dinamik walaupun sering dikatakan sebagai sebuah parti yang konservatif. Imej Pak Lebai PAS mungkin wujud pada kesetiiaannya kepada asas dan idealisme perjuangan Islamnya tetapi tidak dalam konteks strateginya yang seiring dengan perubahan zaman. Buku ini bukan sahaja menyediakan panduan kepada pendokong parti tetapi boleh juga dirujuk oleh gerakan dan umat Islam yang memerlukan rujukan dalam memperjuangkan dakwah Islamiah masa kini. Sesuai dengan asas dan budaya PAS yang bukan sahaja sebagai sebuah parti politik tetapi juga berperanan sebagai sebuah gerakan dakwah, gagasan buku ini menawarkan perspektif bersepadu Islam khususnya dalam mendepani cabaran sekularisme yang memisahkan di antara politik dan agama. Penghujahannya dalam bahasa yang mudah dan santai menjadikannya sebuah buku yang sesuai untuk semua lapisan pembaca. Inilah yang menjadi asas kekuatan buku ini sehingga boleh dijadikan panduan menyediakan sebuah manifesto pilihan raya yang holistik jika dilihat dari kepentingan politik semasa.

Justeru gagasan ini bersifat sehalu dalam mendokong idealisme perjuangan sebuah parti politik. Ini bukanlah suatu penulisan bersifat analitis seperti yang diinginkan oleh sebuah penulisan yang kritis. Buku ini juga ditulis mengikut format yang agak longgar daripada sudut penulisan akademik yang lengkap. Antara contohnya, tiada bibliografi disediakan untuk rujukan dan bacaan lanjut sedangkan ia memuatkan cabutan prinsip dari kitab muktabar dan ulama semasa, serta merujuk kepada fakta sejarah yang perlu dimuatkan sumber bagi mengukuhkan nilai keilmiahannya. Sebaliknya rujukan tentang penulis yang sangat ringkas dimuatkan di akhir muka surat. Ia tidak begitu diperlukan kerana umum sedia maklum siapa Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Perakuan dari Menteri Besar Kelantan di muka belakang buku tidak perlu kerana telah dimuatkan dalam Kata Pengantar. Adalah lebih baik jika komentar dari pihak bebas atau ahli akademik diletakkan sebagai ganti untuk mendorong keyakinan pembaca membelinya. Aspek lain seperti indeks, glosari dan kata singkatan tiada dalam buku ini. Sisi lemah

daripada sudut penulisan ilmiah ini boleh diperbaiki dengan mudah bagi mencapai sebuah edisi penulisan intelektual yang mantap.

Badlihasham Mohd Nasir (Profesor Dr.)

Akademi Tamadun Islam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

UTM, Johor